

Tadbir Urus Pengagihan Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah: Kajian di Lembaga Zakat Selangor

Governance of Zakat Distribution Based on Maqasid Syariah: Study in Selangor Zakat Board

Siti Noorbiah Md Rejab¹, Hairunnizam Wahid², Salmy Edawati Yaacob³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;

² Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;

³ Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 01 Jun 2022

Disemak: 23 Julai 2022

Diterbit: 1 September 2022

*Perhubungan Penulis:
Siti Noorbiah Md Rejab,
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari, Universiti
Teknologi MARA, Shah Alam,
Malaysia
Email:
sitinoorbiah@uitm.edu.my

Abstrak: Tadbir urus dalam sesebuah organisasi merupakan faktor penting dalam menentukan objektif dan matlamatnya tercapai. Tadbir urus yang baik adalah institusi yang bertanggungjawab, telus dan adil. Prinsip-prinsip ini akan memastikan pencapaian matlamat dan objektif institusi. Bagi institusi zakat, tadbir urus yang baik dapat menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan dana zakat. Pemeriksaan dan kawalan dari pelbagai mekanisme tadbir urus penting kerana institusi zakat mengawal sumber kewangan yang besar. Justeru, kajian ini akan membincangkan tadbir urus pengagihan zakat dilihat dari segi bantuan dan skim yang diberikan kepada asnaf berdasarkan pendekatan Maqasid Syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan perolehan data sekunder melalui dokumentasi, historika dan observasi penyelidik. Hasil kajian mendapati tadbir urus pengagihan zakat bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah. Kajian ini juga diharapkan boleh membantu institusi zakat dalam menarik lebih ramai pembayar zakat dan seterusnya menjadi rujukan kepada para akademik dan penyelidikan di masa depan.

Kata kunci: institusi zakat; maqasid syariah; pengagihan; tadbir urus

Abstract: Governance in an organization is an important factor in determining the objectives and goals are achieved. Good governance is a responsible, transparent, and fair institution. These principles will ensure the achievement of the goals and objectives of the institution. For zakat institutions, good governance can contribute to the efficiency and effectiveness of zakat funds. Examination and control of various governance mechanisms are important because zakat institutions control large financial resources. Thus, this study will discuss the governance of zakat distribution seen in terms of assistance and schemes given to asnaf based on the Maqasid Syariah approach. This study a qualitative method in nature with the acquisition of secondary data through documentation, history, and observation of researchers. The results of the study found that the governance of zakat distribution coincides with the principles of Maqasid Syariah. It is also hoped that this study can help zakat institutions in attracting more zakat payers and in turn become a reference for academics and research in the future.

Keywords: distribution; governance; maqasid syariah; zakat institutions

Pengenalan

Tadbir urus memainkan peranan penting terhadap kejayaan sesebuah organisasi sama ada badan kerajaan dan swasta. Menurut Maszlee & Hamidah (2016), tadbir urus merujuk kepada sistem pentadbiran yang mempunyai mekanisme untuk membangunkan negara dan memberi ruang yang luas kepada rakyat untuk mengecapinya. Ia tidak hanya terhad kepada sistem politik, malah merangkumi kesemua mekanisme dalam bidang pentadbiran awam, ekonomi dan juga undang-undang.

Selain itu tadbir urus baik juga meliputi proses kerja, peraturan, pembuatan keputusan dalam entiti awam bagi mencapai prestasi yang ditetapkan dan mematuhi undang-undang demi kepentingan awam. Dengan adanya pengukuran tahap amalan tadbir urus ini, pelbagai pihak boleh menilai dan menentukan prestasi pentadbiran agensi awam dengan lebih jelas. Elemen yang penting dalam menentukan tahap tadbir urus sama ada baik atau sebaliknya, bergantung pada aspek kualiti dan tahap amalan yang diamalkan dalam sistem pentadbiran. Pelaksanaan dasar ini memberi pendedahan kepada agensi awam untuk mempunyai sebuah sistem tadbir urus yang lebih teratur dan bersistematis, serta mengurangkan karenah birokrasi dalam pentadbiran awam (Siti Zurina, Amizawati, & Sofiah, 2019).

Ia juga merujuk kepada sistem yang merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif atau Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah sama ada dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara berurus dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dan proses di mana agensi awam diurus, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui (Mohd Sidek, 2007). Selain itu prinsip keterbukaan, integriti dan sifat bertanggungjawab perlu menjadi teras dalam sesebuah organisasi tadbir urus (Azman, 2019).

Keadaan ini berbeza dengan tadbir urus di zaman Rasulullah SAW di mana lebih mementingkan penjagaan hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekeliling dengan memastikan kesemua aspek tersebut dijaga dengan terancang (Bharuddin, 2013; Ermy Azziaty, Lukman, & Wan Kamal, 2017).

Secara kesimpulannya tadbir urus merujuk kepada proses, peraturan dan amalan yang menjadikan sesebuah organisasi lebih terarah, terkawal dan bertanggungjawab. Kecekapan pengurusannya merupakan satu tuntutan dalam Islam lebih-lebih lagi yang melibatkan pengurusan hal ehwal kewangan.

Institusi zakat juga tidak terkecuali di mana ia merupakan salah satu organisasi yang memainkan peranan penting dari segi kutipan dan agihan kepada asnaf yang ditetapkan. Keberkesanannya dan kecekapannya dinilai

dari sistem pentadbiran dan pengurusan tadbir urusnya. Banyak kajian berkaitan zakat yang telah dibincangkan samaada oleh pengkaji silam dan juga moden. Kajian oleh Azri, Luqman, Mohd Ashrof Zaki, Mohammad Mahyuddin, & Mohd Faiz (2019) mengklasifikasikan zakat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini kepada tiga bahagian iaitu pentadbiran dan pengurusan, hukum serta fatwa zakat dan maqasid zakat. Penulisan ini juga turut memasukkan kajian-kajian terkini mengikut klasifikasi ini.

Kajian berkaitan pentadbiran dan pengurusan zakat dari segi kecekapan dan keberkesanannya (Adibah, 2008; Ahmad Fauzee, 2004; Azman, Muhamad Firdaus, & Hussein Azeemi, 2019; Azman, Mursyid, & Mohd Faisal, 2019; Azme & Azman, 2019; Dziauddin, 2003; Hairunnizam, Sanep, Mohd, & Maryam, 2017; Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2009; Hasan, Ahmad Jailani, & Mohamed Azam, 2010; Humam, 2004; Maryam, Hairunnizam, & Sanep, 2018; Mohd Fisul, Hairunnizam, & Mohd Ali, 2018), tingkah laku pembayar zakat (Abdullah & Ahmad Zamri, 2017; Nashwan, Hijatullah, Saliza, & Sarea, 2020; Nashwan, Hijatullah, Saliza, & Viswanathan, 2019; Widiyanto, Zaenudin, Bejo, & Sumiati, 2020), aspek perundangan, ekonomi, zakat dan cukai (Azizah, 2012; Patmawati, 2008; Ruziah, 2009; Siti Mashitoh, 2007; Sofia Hayati, Rosninawati, Fauziah, & Kasim, 2018).

Dari segi hukum dan fatwa zakat, antara yang terkenal (al-Qaradawi, 2006; Azman, 2010; Mahmood, 2012; Mujaini, 2005), manakala klasifikasi terakhir berkaitan maqasid zakat (Ahmad Shukri & Rosli, 2021; Ataina & Tohirin, 2019; Azman, Mursyid, et al., 2019; Azman & Siti Zulaikhah, 2017).

Pelbagai kajian telah dibincangkan dari aspek zakat, tetapi belum ada kajian yang memfokuskan tadbir urus pengagihan zakat berdasarkan Maqasid Syariah. Justeru kajian ini adalah untuk melihat tadbir urus pengagihan zakat berdasarkan Maqasid Syariah, tumpuan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Kajian Literatur

Tadbir Urus Baik

Tadbir urus baik merupakan cetusan idea daripada laporan Bank Dunia iaitu “Governance and Development” (The World Bank, 1994). Ia merujuk kepada proses pembuatan keputusan dan melaksanakan oleh pihak yang mempunyai kuasa. Tadbir urus baik merujuk kepada penggunaan dasar dan amalan yang menjamin pengurusan sumber yang baik mengikut peraturan yang ditetapkan dan menegakkan kualiti yang baik seperti akauntabiliti, ketelusan, responsif, kesepakatan, keadilan, membanteras rasuah, cekap dan

berkesan untuk memandu operasi sesebuah organisasi (Shipley & Kovacs, 2008).

UNESCAP (2008), tadbir urus sebagai proses membuat keputusan dan proses di mana keputusan dilaksanakan. Menurut UNDP (1998) dan Huther & Anwar (1998), tadbir urus merujuk kepada pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran dalam pengurusan pemberian sumber daya sesebuah negara.

UNDP (1997), tadbir urus yang baik merangkumi lima prinsip iaitu kesahan dan kebebasan suara (*legitimacy and voice*), arahan (*direction*), prestasi (*performance*), pertanggungjawaban (*accountability*) dan keadilan (*fairness*). Kesemua elemen ini perlu diwujudkan dalam institusi zakat sama ada dari segi kutipan dan agihan kepada asnaf.

Selain itu konsep tadbir urus baik dianggap sebagai perlindungan kepada beberapa prinsip yang boleh disesuaikan dengan situasi sesebuah organisasi (Elahi, 2009). Sebagaimana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyatakan tadbir urus baik terdiri daripada prinsip akauntabiliti, kecekapan dan keberkesaan dalam pengurusan sektor awam, ketelusan, undang-undang yang adil bagi memastikan pembangunan sosial dan ekonomi yang seimbang (Habibullah, 2016).

Kajian oleh Norazlina & Abdul Rahim (2011) menjelaskan kecekapan tadbir urus akan memberi kesan positif kepada keberkesaan institusi zakat. Keaktifan lembaga pengarah, kekerapan mesyuarat, jawatankuasa audit, struktur organisasi yang teratur, bilangan cawangan serta kemampuan dalam mengaplikasi teknologi moden mempengaruhi tadbir urus dan seterusnya kecekapan institusi zakat.

Khalid & Said (2016) menggariskan sembilan dimensi tadbir urus yang baik iaitu pakatan strategik, perancangan strategik, pengurusan risiko, audit, kawalan fraud, prestasi kualiti, sumber-sumber, pengurusan sumber alam serta kemudahan dan infrastruktur. Kesemua faktor ini signifikan dalam mengukur amalan tadbir urus baik di sektor awam. Pandangan ini disokong oleh Yosinta (2016) walaupun dimensinya berbeza iaitu kecekapan dan keberkesaan, akauntabiliti, ketelusan, penglibatan, peruntukan undang-undang, ekuiti, responsif dan kesepakatan.

Majoriti dapatan daripada penyelidik menggariskan sembilan dimensi tadbir urus baik seperti penglibatan, pematuhan undang-undang, ketelusan, responsif, berorientasikan kesepakatan, ekuiti, kecekapan dan keberkesaan, akauntabiliti dan visi strategik. Walau bagaimana pun, tiada ketetapan khusus mengenai bilangan tadbir urus baik yang ideal bagi sesebuah organisasi. Sebahagian kajian menggariskan empat prinsip hingga sembilan dimensi tadbir urus baik, dan ada kajian menyatakan sekurang-kurangnya satu elemen telah menunjukkan komitmen organisasi untuk menegakkan tadbir urus baik (Siti Zurina et al., 2019).

Tadbir Urus Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah

Islam sebagai agama yang syumul telah memperkenalkan tadbir urus berteraskan prinsip syarak. Tadbir urus yang berteraskan Islam mestilah memperjuangkan hak keadilan, kebebasan hak milik, bersuara, peribadi, beragama dan kebebasan berpolitik (Bharuddin, 2013). Salah satu model yang diperkenalkan oleh JAKIM sebagai penanda aras kepada pencapaian Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara ialah Model Indeks Syariah Malaysia (ISM). Berdasarkan model tersebut lima prinsip asas Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta perlulah dijaga sebaik mungkin dalam sesebuah tadbir urus yang cemerlang. ISM merangkumi lapan bidang pentadbiran iaitu perundangam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana persekitaran dan sosial. Lapan bidang ini dianggap sebagai teras penanda aras kepada pencapaian Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara. Manakala tiga kelompok utama yang terlibat dalam pengukuran Indeks Syariah iaitu pemerintah selaku pembuat dasar, agensi-agensi selaku pelaksana dan masyarakat selaku penerima manfaat (JAKIM, 2015).

Maqasid Syariah meliputi seluruh aspek kehidupan iaitu sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam. Menurut Aibak (2015), Maqasid Syariah bertujuan untuk mewujudkan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat di mana pengenalannya meliputi lima perkara utama iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia.

Kepercayaan dan keberkesaan sesuatu institusi bergantung kepada pengurusan dan pentadbiran organisasinya. Jika urus tadbirnya cemerlang, persepsi dan pandangan masyarakat juga akan ke arah positif. Begitu juga pengurusan institusi zakat dilihat semakin berkembang dari setiap sudut sama ada dari segi urus tadbir, pemerkasaan amil, pengurusan kutipan dan agihan. Usaha pemerkasaannya perlu seiring dengan kehendak syarak. Oleh itu pendekatan Maqasid Syariah perlu dijadikan asas yang kuat dalam merancang dan menentukan hala tuju institusi zakat bagi mencapai objektif pensyariatan zakat dalam Islam (Azman, 2019).

Sepertimana kajian sebelum ini, tadbir urus yang cekap dapat diwujudkan dengan menerapkan etika kerja yang merangkumi semua aspek dan ini selaras dengan konsep penerapan yang perlu diterapkan dalam institusi zakat kerana ia melibatkan aspek kewangan dan persepsi masyarakat amnya. Menurut Azman (2019), pengagihan zakat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah bertepatan dengan Maqasid Syariah. Oleh itu pendekatan Maqasid Syariah boleh dijadikan

atas panduan dan rujukan dalam tadbir urus institusi zakat di Malaysia.

Manakala Muhammad Haffiz & Rohaila (2019) kajian terhadap Kolej Dar al-Hikmah terdapat lapan ciri tadbir urus yang baik menurut gaya United Nations Development Program (UNDP) iaitu meliputi penyertaan, orientasi kesepakatan, kebertanggungjawaban, ketelusan, responsif, berkesan dan cekap, saksama dan terangkum dan menuruti lunas hukum/perundangan. Beliau menambah satu lagi ciri iaitu pendekatan tadbir urus berteraskan kasih sayang dinn mana sesuai dengan organisasinya sebagai pusat pendidikan yang menampilkan ciri-ciri Islamik.

Kesejahteraan bagi semua manusia harus dicapai melalui pendidikan individu, mewujudkan keadilan dan kesejahteraan masyarakat (Syofyan, 2017), sepetimana yang disebut oleh al-Ghazali (1993) terhadap lima prinsip utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam memenuhi kesejahteraan manusia.

Selanjutnya, Mulyana (2017), menjelaskan kesejahteraan dalam Islam dari pengertian al-Ghazali (1993), iaitu Maqasid Syariah dipercayai sebagai konsep kesejahteraan yang paling komprehensif. Ini kerana konsep ini tidak hanya merangkumi unsur-unsur keperluan material tetapi juga aspek moral dan spiritual. Ia berbeza dengan konsep kesejahteraan yang diperkenalkan oleh barat, yang hanya menumpukan pada aspek material semata-mata. Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa Maqasid Syariah bukan hanya dimensi aspek dunia tetapi juga ukhrawi.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah dokumentasi dan tinjauan bagi mendapat maklumat yang berkaitan dengan topik perbincangan. Ia merangkumi data sekunder dari sumber-sumber dalam bentuk artikel ilmiah, jurnal, laporan dan maklumat-maklumat di laman web yang berkaitan dengan tadbir urus zakat. Seterusnya maklumat-maklumat tersebut dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah induktif dalam menyusun dan menghasilkan penulisan bagi memenuhi objektif kajian.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Zakat dan Maqasid Syariah

Maqasid Syariah bertujuan memberi kebaikan dan kemaslahatan kepada umat manusia. Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan rujukan bagi orang-orang yang beriman bukan sahaja kepada individu dan masyarakat tertentu, tetapi kepada umat manusia keseluruhannya sehinggalah kepada pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara. Kemantapan, kemakmuran,

kesejahteraan dan kekuatan sesebuah negara dan rakyatnya bergantung pada sejauh mana mereka mengikuti serta mematuhi garis panduan yang disediakan oleh al-Quran dan al-Sunnah (JAKIM, 2015).

Ini termasuk pengurusan dan pentadbiran institusi zakat perlu dilihat ke arah tersebut bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka yang memerlukan. Zakat adalah salah satu rukun asas dalam Islam dan menjadi kewajiban umat Islam untuk memberi jumlah kekayaan mereka yang spesifik kepada waris yang dipanggil al-mustahiqqin dengan objektif utamanya ialah pencapaian keadilan sosio-ekonomi. Institusi zakat adalah badan yang dipercayai dalam menguruskan zakat di negara-negara Islam bagi tujuan mempromosikan objektif sosio-ekonomi di Malaysia. Sebagai sebuah institusi yang sangat penting, maka ia perlu dikendalikan dengan berkesan agar dapat dibuktikan kecekapannya di mata masyarakat.

Oleh itu prinsip Maqasid Syariah adalah kunci utama bagi membantu melancarkan tadbir urus sesebuah kerajaan melalui peranan pembentukan individu sehingga kepada sebuah negara yang sempurna. Menurut al-Ghazali (1993), Maqasid Syariah telah mengkategorikan kepada tiga keperluan maslahah iaitu:

a) Daruriyyah

Keperluan daruriyyah adalah unsur-unsur yang tanpanya sistem negara akan mengalami kekacauan. Di bawah daruriyyah kesemua pemeliharaan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta adalah dianggap keperluan asasi yang tidak dapat tidak amat diperlukan oleh setiap manusia melalui kehidupan bermasyarakat. Sekiranya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia tidak bererti dan sebarang perkara dan tindakan yang mencemari kelima-lima ini akan dianggap sebagai mafsadah iaitu merosakkan.

b) Hajiyah

Keperluan hajiyah pula adalah unsur-unsur yang memudahkan kehidupan manusia iaitu keperluan untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran. Keperluan ini diperlukan bagi mengelak kesusahan hidup di dalam masyarakat walupun tidak sampai ke tahap keperluan asasi. Ketiadaannya tidak akan menjelaskan kehidupan, tetapi akan menyebabkan sedikit kesulitan.

c) Tahsiniyyah

Manakala keperluan tahsiniyyah merupakan perkara yang berkaitan dengan maruah, adab, tingkah laku, moral dan etika yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Dalam pemeliharaan kelima-lima Maqasid Syariah keperluan ini diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat. Namun begitu, ketiadaannya

tidak memberi kesan besar terhadap kehidupan manusia, tetapi sekiranya dipenuhi dan dapat dilengkapi ia memberi keselesaan serta kesempurnaan. Hidup akan menjadi tenang dengan berpandukan kepada apa yang disyariatkan dalam Islam, seterusnya membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sesungguhnya kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang individu dan masyarakat akan terjamin sekiranya ketiga-tiga keperluan dapat dipenuhi dengan cara yang seimbang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang disampaikan melalui perantaraan Nabi Muhammad SAW sebagaimana firman Allah SWT yang bemaksud:

“Pada kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad SAW dan utuskan engkau) menjalankan satu jalan yang cukup lengkap dan hukum-hukum agama, maka turutlah akan jalan itu dan jangan engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).” al-Jaathiyah: 18.

Oleh itu selaras dengan panduan dan peraturan yang dijelaskan, maka segala urusan berkaitan dengan hubungan kemanusiaan atau tidak adalah menjadi kewajipan sebagai hamba dan khalifah dalam memandu setiap peraturan dan urusan hidup ke arah yang disyariatkan. Begitu juga dalam pentadbiran negara termasuklah institusi zakat perlu merujuk panduan yang ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan Maqasid Syariah. Ini kerana institusi zakat merupakan institusi yang memainkan peranan penting bukan sahaja kepada golongan asnaf yang memerlukan, malah ia juga bertindak sebagai pemangkin utama dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara.

Selain itu teras Maqasid Syariah sangat penting dalam penerapannya sebagai model strategik bagi pentadbiran negara ke arah negara maju dan harmoni. Lebih-lebih lagi prinsip Maqasid Syariah berpaksikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik. Ini selari dengan institusi zakat dalam memberi kepercayaan dan keyakinan kepada masyarakat terutamanya pembayar zakat dalam meletakkan harapan yang tinggi dari sudut agihan yang adil serta telus kepada penerima yang layak.

Pengagihan Bantuan Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah

LZS merekodkan pelbagai skim dan agihan zakat telah diperuntukan bagi membantu golongan asnaf yang memerlukan berdasarkan konsep Maqasid Syariah seperti pada Lampiran. Hasil kajian mendapati, bantuan kewangan bulanan merupakan jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM127,541,300 diikuti bantuan-bantuan lain seperti pendidikan, perlindungan dan lain-lain lagi (LZS, 2019). Malah selain bantuan-bantuan yang telah ditetapkan mengikut tahunan, LZS juga telah mempelbagaikan lagi bentuk skim bantuan sepanjang

tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lebih RM230 juta wang zakat telah diagihkan untuk manfaat umat Islam di Selangor yang terkesan akibat penutupan sektor ekonomi akibat penularan pandemik COVID-19, walaupun kutipan menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 iaitu dari RM253.1 juta pada 2019 kepada RM252.7 juta bagi tahun 2020 dalam tempoh yang sama (LZS, 2020).

Bantuan-bantuan ini menunjukkan LZS berpandukan kepada Maqasid Syariah dari segi skim dan agihannya kepada asnaf dan memenuhi lima ciri-ciri tadbir urus sepertimana yang ditetapkan oleh UNDP (1997) iaitu kesahan dan kebebasan suara (*legitimacy and voice*), arahan (*direction*), prestasi (*performance*), pertanggungjawaban (*accountability*) dan keadilan (*fairness*) dalam institusi zakat di Malaysia. Justeru, secara tidak langsung memperlihatkan institusi zakat memainkan peranan penting dalam usaha dan sumbangannya bukan sahaja kepada golongan asnaf, malah turut sama-sama membantu pemerintah dalam menangani dan menyelesaikan isu dan cabaran ke arah kemajuan dan peningkatan ekonomi negara di masa depan.

Rumusan

Pendekatan pengagihan berdasarkan Maqasid Syariah dalam institusi zakat dilihat memberi kesan serta sumbangan yang besar kepada penerima dan juga para pembayar zakat. Komponen penting dalam Maqasid Syariah membuktikan bahawa Islam adalah sistem hidup yang lengkap, komprehensif dan relevan sepanjang zaman. Kajian seterusnya mungkin dapat dikaji dari segi organisasi atau tadbir urus dalam institusi zakat itu sendiri untuk melihat dengan lebih jelas ciri-ciri tadbir urus menurut UNDP. Justeru kajian dan pendekatan ini perlu diteruskan untuk memartabatkan institusi zakat di mata dunia sebagai sebuah organisasi yang memiliki tadbir urus yang baik dan cekap selaras dengan panduan dan syariat Islam.

Rujukan

- Abdullah, C. A., & Ahmad Zamri, O. (2017). Determinants of Intention to Give Zakat on Employment Income Experience from Marawi City, Philippines. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 10(4).
- Adibah, A. W. (2008). *Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangkan Masalah Kemiskinan Bandar: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor* (Disertasi Sarjana), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Fauzee, A. (2004). *Aplikasi Pengurusan Sumber Aset: Analisis Terhadap Harta Zakat di Negeri Perak*. (Disertasi Sarjana), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Ahmad Shukri, Y., & Rosli, M. (2021). Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 105-122.
- Aibak, K. (2015). Zakat dalam Perspektif Maqasid al-Syariah. *Jurnal Hukum Islam*, 3(2), 199-218.
- Al-Ghazali, A. H. M. b. M. (1993). *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-A'rabi.
- Al-Qaraðawi, Y. (2006). *Fiqh al-Zakah Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Cetakan ke25, Jilid 2 ed.). Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Ataina, H., & Tohirin, A. (2019). A Maqasid and Shariah Enterprises Theory-Based Performance Measurement for Zakat Institution. *International Journal of Zakat Institution*, 4(2), 101-110.
- Azizah, D. (2012). *Zakat dan Cukai di Malaysia*. Selangor: Penerbit UiTM
- Azman, A. R. (2010). *Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Azman, A. R. (2019). Pengurusan Institusi Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). *Journal of fatwa Management and Research*, 17(2).
- Azman, A. R., Muhamad Firdaus, A. R., & Hussein Azeemi, A. T. (2019). Model Institusi Pendidikan Melalui Sinergi Dana Wakaf Dan Zakat Di Malaysia. *Journal of fatwa Management and Research*, 16(2), 123 - 135.
- Azman, A. R., Mursyid, J., & Mohd Faisal, Y. (2019). Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat di Institusi Masjid Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 73-83.
- Azman, A. R., & Siti Zulaikha, M. (2017). Skema Pemberian Zakat kepada Asnaf Fi Sabilillah Berdasarkan Maqasid Syariah: Kajian di Malaysia dan Singapura. *Hukum Islam*, XVII(1), 52-72.
- Azme, M., & Azman, A. R. (2019). Pemerksaan Institusi Zakat dalam Menangani Keperluan Individu Muflis di bawah Asnaf al-Gharimin di Brunei Darussalam. *Journal of fatwa Management and Research*, 17(2), 413-435.
- Azri, B., Luqman, A., Mohd Ashrof Zaki, Y., Mohammad Mahyuddin, K., & Mohd Faiz, M. Y. (2019). Analisis Literatur Kajian Zakat Dan Maqasid Syariah. *Journal of fatwa Management and Research*, 17(2), 235-255.
- Bharuddin, C. P. (2013). *Islam Dalam Tadbir Urus Negara dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Dziauddin, S. (2003). *Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah: Kajian di Baitulmal Negeri Sembilan*. (Disertasi Sarjana), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Elahi, K. Q. I. (2009). UNDP on good governance. *International Journal of Social Economics*. *International Journal of Social Economics*, 36(12), 1167-1180.
- Ermy Azziaty, R., Lukman, I., & Wan Kamal, M. (2017). *Pentadbiran Rasulullah SAW: Model Tadbir Urus Yang Cemerlang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habibullah, M. S., Din, B. H. & Hamid, B. A. (2016). Good Governance and Crime Rates in Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 43(3), 308-320.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., Mohd, A. M. N., & Maryam, A. R. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 33-46.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hasan, B., Ahmad Jailani, S., & Mohamed Azam, M. A. (2010). *Zakat Modal Perniagaan Asnaf Fakir dan Miskin: Analisis Terhadap Tahap Pencapaian*. 'Dalam Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf'. Selangor: UPENA UiTM.
- Humam, D. (2004). *Kutipan Zakat dan Agihannya: Suatu Kajian di Awal Islam*. (Sarjana), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Huther, J., & Anwar, S. (1998). *Applying a Simple Measure of Good Governance to the Debate on Fiscal Decentralization*. Paper presented at the World Bank Working Paper, Washington, DC.
- JAKIM, J. K. I. M. (2015). *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya: Malaysia.
- Khalid, M. A., Alam, M. M. , & Said, J. (2016). Empirical Assessment of Good Governance in the Public. *Economics and Sociology*, 9(4), 289-304.
- LZS, L. Z. S. (2019). Diambil daripada <https://www.zakatselangor.com.my/informasi/laporan-aktiviti-zakat/>
- LZS, L. Z. S. (2020). *Laporan Tahunan*. Diambil daripada <http://zakatselangor.com.my>
- Mahmood, Z. A. M. e. a. (2012). *Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan*. Selangor: Penerbit UIAM.
- Maryam, A. R., Hairunnizam, W., & Sanep, A. (2018). Analisis Faktor Penentu Kualiti Pengurusan Zakat: Kajian Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Sepang. *Journal of fatwa Management and Research*, 11(1), 27-42.
- Maszlee, M., & Hamidah, M. (2016). Tatakelola Kerajaan yang Baik (Good Governance): Gerakan Islam dan Rashid Al-Ghannouchi. *Ulum Islamiyyah Journal*, 17, 1-19.

- Mohd Fisul, I., Hairunnizam, W., & Mohd Ali, M. N. (2018). Prestasi Kutipan Serta Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat: Kajian di Malaysia. *Jurnal Muamalat*.
- Mohd Sidek, H. (2007). *Tadbir Urus di Sektor Awam*.
- Muhammad Hafiz, M. I., & Rohaila, Y. (2019). *Model Pengurusan Al-Hikmah Sebagai Satu Bentuk Tadbir Urus Bercirikan Islam*. Paper presented at the Prosiding 4 Asia Pacific Conference on Educational Management & Leadership (APCEMaL 2019), Bayview Hotel Georgetown, Pulau Pinang.
- Mujaini, T. (2005). *Zakat Menuju ke Arah Pengurusan Profesional*. Petaling Jaya: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mulyana, R. A. (2017). Peranan Negara Untuk Mewujudkan Kesejahteraan dalam Kerangka Maqasid Syariah. *Al-Urban: Jurnal Ekonomi Syariah dan Filantropi Islam*, 1(2), 155-175.
- Nashwan, S. A. B., Hijatullah, A. J., Saliza, A. A., & Sarea, A. (2020). Zakah Compliance in Muslim Countries: An Economic and Socio-Psychological Perspective. *Journal of Financial Reporting and Accounting*.
- Nashwan, S. A. B., Hijatullah, A. J., Saliza, A. A., & Viswanathan, K. K. (2019). A Socio -Economic Model of Zakah Compliance. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(3/4).
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011). A Framework to Analyse the Efficiency and Governance of Zakat Institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43-62.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empiris. *Jurnal Syariah*, 16(2).
- Ruziah, G. (2009). *Implikasi Zakat Terhadap Sistem Percukaian Negara Dalam Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA, UiTM.
- Shipley, R., & Kovacs, J. F. (2008). Good Governance Principles for the Cultural Heritage Sector: Lessons from International Conference. *Corporate Governance*, 8(2), 214-228.
- Siti Mashitoh, M. (2007). *Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*. Dalam Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia. Selangor: UPENA UiTM.
- Siti Zurina, A., Amizawati, M. A., & Sofiah, M. A. (2019). Tadbir Urus Baik dan Peranan Amalan Perakaunan Pengurusan: Tinjauan di Organisasi Pelancongan Negara. *Asian Journal of Accounting and Governance*. doi:<http://dx.doi.org/10.17576/AJAG-2018-11-03>
- Sofia Hayati, Y., Rosninawati, H., Fauziah, H., & Kasim, R. (2018). Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 13, 49-58.
- Syofyan, A. (2017). Analisis Kerja Bank Syariah dengan Metode Indeks Maqasid Syariah di Indonesia. *Jurnal Lembaga Kewangan dan Perbankan*, 2(2), 145-158.
- The World Bank. (1994). *Development in Practice Governance- The World Bank's Experience*. Washington, DC: A World Bank Publication.
- UNDP, U. N. D. P. (1997). Governance for Sustainable Human Development, A Policy Document, United Nations Development Programme. Diambil daripada <http://magnet.undp.org/policy/default.htm>
- UNDP, U. N. D. P. (1998). "UNDP and governance experiences and lessons learned". *Lessons-Learned Series No. 1, Management Development and Governance Division*. Diambil daripada <http://magnet.undp.org/docs/gov/Lessons1.htm>
- UNESCAP, U. N. E. a. S. C. (2008). "What is Good Governance?". Diambil daripada [https://www.unescap.org/sites/default/d8files/knowledg-products/good-governance.pdf](https://www.unescap.org/sites/default/d8files/knowledge-products/good-governance.pdf)
- Widiyanto, M. C., Zaenudin, Z., Bejo, S., & Sumiati, S. (2020). A study of Indonesian Community's Behaviour in Paying Zakat. *Journal of Islamic Marketing*, 11(4).
- Yosinta, O. (2016). *Organizational Culture and Good Governance in the Public Sector: The Case of Provincial Administration in Thailand*. England: University of Birmingham.

Lampiran**Skim Bantuan Lzs Berdasarkan Maqasid Syariah bagi Tempoh Januari-September 2019**

Jenis Bantuan	Jumlah Agihan (RM)	Tadbir Urus	Maqasid Syariah¹
Kewangan Bulanan (Fakir, Miskin & Muallaf)	127,541,300	Kesahan dan Kebebasan Suara, Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama & Nyawa
Makanan Bulanan	7,309,562	Kesahan dan Kebebasan Suara, Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama & Nyawa
Aidilfitri (Fakir, Miskin & Muallaf)	27,128,950	Kesahan dan Kebebasan Suara, Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama & Nyawa
Saguhati Galakan Saudara Baru	226,820	Kesahan dan Kebebasan Suara, Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama & Nyawa
Perlindungan (Bina Rumah/ Baik Pulih/ Sewa Rumah) (Fakir, Miskin & Muallaf)	45,384,282	Arahan, Prestasi Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama, Nyawa & Harta
Bantuan Ar-Riqab (Program Pemulihan)	9,960,052	Arahan, Prestasi Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama, Nyawa & Harta
Bantuan Ibnu Sabil (Pengurusan Rumah Musafir / Tiket Perjalanan Pergi & Balik)	72,557	Arahan, Prestasi Pertanggungjawaban & Keadilan	Agama, Nyawa & Harta
Pendidikan Asnaf Fakir & Miskin (Keperluan Sekolah & IPT, Yuran Sekolah Rendah & Menengah, Dermasiswa Pelajaran, Elaun Guru KAFA, Yuran, Biasiswa Pelajaran Dalam dan Luar Negara & Dermasiswa Hafaz al-Quran)	44,831,738	Prestasi, Pertanggungjawaban & Keadilan	Akal, Harta
Pendidikan Muallaf (Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa & Bantuan Umum Pelajaran)	13,845,220	Prestasi, Pertanggungjawaban & Keadilan	Akal, Harta
Pendidikan Fisabilillah (Elaun Guru KAFA, Bantuan Umum Pelajaran, Biasiswa Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Hafaz al-Quran & OKU)	26,228,897	Prestasi, Pertanggungjawaban & Keadilan	Akal, Harta
Kursus/Latihan	5,578,824	Kesahan & Kebebasan, Prestasi	Akal, Harta
Modal Perniagaan	1,278,835	Kesahan & Kebebasan, Prestasi	Harta
Elaun Bulanan Pegawai Masjid	4,195,200	Pertanggungjawaban	Harta
Kecemasan	11,262,853	Pertanggungjawaban	Nyawa
Perubatan (Rawatan Dialisis / Hutang Perubatan)	45,691,132	Pertanggungjawaban	Nyawa
Keperluan Hidup (Hutang Kerana Keperluan Hidup)	4,979,042	Pertanggungjawaban, Prestasi & Keadilan	Nyawa
Pembinaan / Baik Pulih Institusi Agama	2,190,869	Pertanggungjawaban, Prestasi & Keadilan	Agama & Keturunan
Program Outreach/Pemulihan (al-Riqab)	9,960,052	Kesahan & Kebebasan, Prestasi	Agama, Nyawa & Keturunan
Program Penerapan Nilai Islam	1,769,041	Kesahan & Kebebasan, Prestasi	Agama, Nyawa & Keturunan
Bantuan Persatuan Islam / Badan Kebajikan	1,920,275	Kesahan & Kebebasan, Prestasi	Agama & Harta

Nota¹ Penentuan Maqasid Syariah adalah berdasarkan kepada kajian ini.

Sumber: Lzs (2019)